

19 JAN 1998

DR MAHATHIR TIBA DI LANGKAWI UNTUK LAWATAN KERJA

LANGKAWI, 19 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di lapangan terbang antarabangsa Langkawi di Padang Matsirat untuk lawatan kerja di pulau lagenda itu petang ini.

Ketibaan beliau, bersama isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali, dengan pesawat khas disambut oleh anggota parlimen Langkawi Datuk Abu Bakar Taib, Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) Datuk Haji Abdul Halil Mutalib dan para pegawai kerajaan yang lain.

Sebaik tiba, Dr Mahathir mengadakan lawatan ringkas ke beberapa tempat di sekitar pulau bebas cukai itu.

Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah juga dijangka bersama-sama penduduk Langkawi berbuka puasa di Masjid Ai'Shah Sungai Menghulu di sini.

Masjid berharga hampir RM2 juta itu, masjid pertama berhawa dingin di pulau bebas cukai ini, dibina 100 peratus hasil sumbangan dan derma daripada ahli korporat dan penduduk tempatan.

Masjid yang boleh menampung lebih 1,000 orang itu mula digunakan 25 Dis lepas dan dijangka dirasmikan oleh Sultan Kedah selepas Hari Raya Puasa. --
BERNAMA

NH AKD